



**Kementerian Kemajuan  
Luar Bandar dan Wilayah**

## **TEKS UCAPAN**

**Y.B DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**MAJLIS MAKAN MALAM USAHAWAN  
MARA KELANTAN**

**HOTEL GRAND RIVERVIEW,  
KOTA BHARU, KELANTAN**

**05 MEI 2017 (JUMAAT)  
WAKTU KETIBAAN : 8.00 MALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## SALUTASI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia.

## MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas rahmat dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam ini bersempena Majlis Makan Malam Anjuran Persatuan Usahawan MARA Kelantan (PUMK) dengan kerjasama MARA Kelantan. Difahaman majlis pada malam ini menghimpunkan lebih 500 usahawan Kelantan. Syabas dan tahniah kepada penganjur kerana berjaya menganjurkan program seperti ini yang dapat membuka satu lembaran baru serta melebarkan jaringan strategik ke arah pengukuhan ukhwah sesama usahawan.

2. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada PUMK dan MARA Kelantan atas jemputan untuk bersama-sama tuan/puan pada majlis yang bermakna ini. Saya berharap program seperti ini yang melibatkan NGO bersama agensi dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Malah, mungkin boleh diperluaskan lagi untuk program lain yang dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutama kumpulan sasar iaitu usahawan.

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sepanjang 50 tahun penubuhannya, MARA telah berjaya memainkan peranannya sebagai socioeconomic engineering agency dalam menyumbang kepada pembinaan negara bangsa Malaysia yang makmur. Dalam tempoh itu, MARA telah berjaya melahirkan lebih 1 juta usahawan yang menyumbang kepada kemajuan negara. Bagi menghadapi cabaran untuk terus membangunkan bangsa dalam tempoh 50 tahun akan datang, MARA melihat inisiatif-inisiatif yang mempunyai impak lebih besar haruslah dilaksanakan supaya usaha yang dilakukan dapat dinaiktaraf dari menjadi *local champion* kepada *regional* atau *global champion*.

4. Untuk itu, MARA telah merangka strategi-strategi bagi mencapai hasrat memperkasa usahawan Bumiputera. Antaranya adalah dengan memberi fokus kepada penawaran ekosistem keusahawanan yang lebih lengkap dan holistik.

Komponen-komponen di dalam ekosistem pembangunan terdiri daripada; \*Pertamanya\*, pembangunan modal insan, atau orang yang ingin menjadi usahawan itu sendiri. \*Kedua\* ialah fokus untuk merencanakan industri, dan \*ketiga\*, menyediakan sistem sokongan yang lengkap dari segi kemudahan pembiayaan dan juga infrastruktur yang merangkumi premis dan lot komersial.

5. Bagi melengkapkan usahawan ke peringkat lebih tinggi, MARA telah merangka program pembangunan usahawan yang sistematik dan holistik. Program pembangunan usahawan telah diberi nafas baru dengan mengambil kira perubahan keadaan ekosistem ekonomi dan juga perkembangan perniagaan atas talian. Pada tahun 2017, sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan kepada MARA Kelantan untuk melahirkan dan membantu usahawan yang dianggarkan seramai 2,278 orang. Daripada jumlah tersebut hampir RM32 juta diagihkan dalam bentuk bantuan pinjaman kewangan. Dijangka seramai 360 orang usahawan termasuk kontraktor di Kelantan akan mendapat manfaat daripada peruntukan yang telah diagihkan. Manakala selebihnya sebanyak RM2 juta adalah dalam bentuk latihan.

6. Jumlah yang telah diperuntukkan, jika dilihat dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar adalah satu angka yang agak besar. Hal ini jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam membangunkan usahawan Bumiputera di negara ini sentiasa diberi perhatian yang serius dan tanpa ada titik noktah.

7. Antara aspek yang diberi penekanan dalam program pembangunan usahawan adalah seperti pembangunan produk atau syarikat, penjenamaan, pembangunan standard iaitu HALAL, Good Manufacturing Practice (GMP), International Organization for Standardization (ISO), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan sebagainya. Ini merupakan elemen yang penting untuk usahawan diberi penekanan supaya mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan peringkat nasional atau global.

8. Perubahan struktur ekonomi dan juga ledakan teknologi baru pada masa kini mendorong kita untuk turut sama melakukan perubahan. Antara bidang ekonomi baru yang diberi perhatian serius kerajaan adalah aeroangkasa, teknologi hijau dan sebagainya. Justeru, MARA telah mengambil inisiatif untuk meneroka bidang baru seperti advance technology iaitu bidang aeroangkasa, marin, renewable energy dan sebagainya dalam melahirkan usahawan berasaskan teknologi terkini.

9. Pada masa yang sama, MARA akan terus memperhebatkan sistem sokongan melalui pelbagai bantuan. Misalnya, dari segi khidmat nasihat serta pembiayaan kewangan. Sebagai contoh, baru-baru ini saya telah melancarkan skim DanaNita yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai golongan wanita menceburi bidang perniagaan termasuk perniagaan online.

10. Selain itu, pelbagai lagi kemudahan perniagaan disediakan oleh MARA bagi membantu usahawan di semua peringkat. Antaranya Skim Pembangunan Usahawan Tekno (PUTEK), skim pembiayaan untuk usahawan OKU, skim pembiayaan Mudah Jaya untuk meningkatkan modal pusingan perniagaan, dan kita juga menawarkan skim pinjaman kepada usahawan yang ingin berkecimpung dalam perniagaan food truck.

11. Selain itu, MARA juga menyediakan pembiayaan untuk usahawan dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Contohnya, skim Pembiayaan Rantai Nilai Industri (PRIN) serta skim The Baron bagi tujuan membiayai usahawan yang berhasrat membeli equiti dalam sesebuah syarikat. Kedua-dua bantuan boleh diberi kepada usahawan yang layak sehingga nilai RM5 juta.

12. Usaha MARA dalam memperkasakan usahawan hingga ke peringkat global dapat dilihat dengan skim baru yang diperkenalkan iaitu Galakan Eksport Bumiputera (GEB) dengan kerjasama SME Corp dan Matrade. Melalui skim tersebut usahawan yang berminat dan berpotensi untuk menembusi pasaran eksport akan dibantu dari segi kewangan berbentuk pinjaman sehingga RM 5 juta.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Bagi menyokong Transformasi Luar Bandar KKLW untuk meningkatkan pendapatan penduduk, selari dengan moto KKLW iaitu “Membandarkan Luar Bandar”, agensi-agensi di bawah KKLW diberi peranan khusus untuk sama-sama terlibat dalam merealisasikan Transformasi KKLW. MARA sebagai contoh melalui Giat MARA diberi peruntukan sebanyak RM 30 juta untuk mewujudkan, membimbing dan melatih usahawan mobilepreneur.

14. Dunia perniagaan pada masa kini walaupun dilihat agak rumit tapi sebenarnya untuk memulakan perniagaan adalah sangat mudah. Perniagaan sekarang tidak lagi memerlukan premis atau ruang yang canggih dan hebat. Hanya dengan sebuah telefon kita sudah mulakan perniagaan dan mencatat jualan hingga ke angka jutaan ringgit. Ekosistem yang diwujudkan oleh kerajaan juga dilihat semakin mesra usahawan dan pelbagai skim serta insentif diberikan kepada usahawan.

15. Diharap tuan puan dapat memanfaatkan sebaik mungkin kemudahan dan segala bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan dalam membantu perkembangan perniagaan. Selain itu, jaringan sesama usahawan harus diperkukuhkan supaya kita dapat membina satu supply chain yang seimbang. Pemikiran dan juga tindakan kita haruslah berada di tahap yang lebih tinggi. Mindset global haruslah dibentuk supaya kita dapat melakukan anjakan paradigma yang dapat mempercepat kemajuan dalam bidang keusahawanan.

**PENUTUP**

16. Sempena majlis pada malam ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada usahawan-usahawan yang akan menerima anugerah dan pengiktirafan atas pencapaian dan kejayaan yang cukup membanggakan sepanjang tahun 2016.

17. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MARA Negeri Kelantan kerana sangat komited dalam membantu usahawan-usahawan menjadi lebih cemerlang dalam perniagaan masing-masing. Oleh itu, majlis Makan Malam ini dilihat sebagai 'platform' terbaik untuk menghargai dan mengiktiraf kejayaan para usahawan atas usaha gigih mereka.

18. Akhir kata, saya ingin menyeru agar MARA dan usahawan-usahawan hebat di negeri Kelantan ini terus saling berganding bahu untuk menghasilkan satu anjakan paradigma dalam memperkasakan keusahawanan secara inovatif dan kreatif yang bukan hanya mampu menjana keuntungan malah mampu mencipta peluang pekerjaan kepada golongan yang lain. Saya percaya sekiranya semua pihak bekerjasama, hasilnya cukup hebat dan mampu menjadikan negara kita berada di persada antarabangsa dalam bidang keusahawanan.

19. Dengan ini, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Makan Malam 'Night of Glitters' anjuran bersama Persatuan Usahawan MARA Kelantan (PUMK) dan MARA Kelantan.

Sekian, terima kasih.